

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.03.2017**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah cukai syarikat dan individu yang dipungut tahun lepas jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikumpul daripada pengampunan cukai tahun lepas.; dan
- (b) sama ada pengampunan cukai pada tahun 2016 merupakan satu kejayaan yang telah mencapai sasarannya

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan kasar cukai langsung termasuk cukai pendapatan (syarikat, individu dan cukai pegangan), cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem ialah sebanyak RM 114 bilion dalam tahun 2016. Jumlah ini termasuk tambahan cukai dan penalti yang berjaya dikutip semasa pelaksanaan Program Pengampunan Cukai dalam tempoh 1 Mac 2016 hingga 15 Disember 2016 iaitu sebanyak RM3.24 bilion yang melibatkan 35,051 kes. Sumbangan cukai syarikat bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM65.84 bilion iaitu 57.75%, manakala pembayar cukai individu menyumbang sebanyak RM29.82 bilion iaitu 26.16% daripada jumlah kutipan kasar cukai langsung.
- 2) Secara umumnya, Kerajaan mendapati Program Pengampunan Cukai tersebut khususnya bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan mereka telah menghasilkan kesan positif. Pendekatan tersebut telah memberikan manfaat dalam bentuk bertimbang balas untuk membantu pembayar cukai terutamanya dalam keadaan suasana ekonomi yang sangat mencabar dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan tahap pematuhan pembayaran cukai.